

LATIHAN KATA GANTI NAMA DIRI

Bahasa Melayu — Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Azman tidak ke sekolah pada hari ini kerana _____ demam panas.
A. dia B. kamu
2. “_____ akan belajar dengan bersungguh-sungguh,” kata murid-murid Tahun Tiga Perdana kepada Cikgu Farhana.
A. Kami B. Kita
3. Guru besar sedang berucap. _____ menasihati murid-murid supaya tidak melanggar peraturan sekolah.
A. Dia B. Beliau
4. Murid-murid itu sedang giat berlatih kerana _____ akan menyertai perlawanan hoki pada minggu hadapan.
A. dia B. mereka
5. “Jumpa _____ di bilik guru,” kata Cikgu Mimie kepada Khairy Razin.
A. aku B. saya
6. “Jangan buka kertas soalan ini sebelum _____ arahkan,” kata Cikgu Sarala.
A. saya B. dia
7. “_____ berharap agar rakyat mengutamakan persekitaran yang bersih,” titah Sultan Kedah.
A. Beta B. Baginda
8. Cikgu Rozamie memberikan arahan kepada murid-murid. _____ meminta mereka membawa kain buruk semasa aktiviti gotong-royong esok.
A. Dia B. -nya
9. “Mari _____ bersihkan kawasan taman bacaan itu,” kata Daniel kepada kawan-kawannya.
A. kami B. kita
10. “Mengapakah _____ tidak memakai kasut tetapi berselipar sahaja semasa aktiviti gotong-royong?” tanya Vrishen kepada Divinesh.
A. kamu B. kita

Skema Jawapan

1. A	2. A	3. B	4. B	5. B
6. A	7. B	8. A	9. B	10. A